

6

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MENGATASI MASALAH PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DAN KESIMPULAN

Perkahwinan adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Perkara ini banyak ditegaskan di dalam al-Quran dan juga diperkukuhkan lagi dengan sunnah Rasulullah SAW. Dalam hal ini, semua manusia berhak untuk berkahwin jika sekiranya berkemampuan dalam menjalankan tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing dari sudut jasmani mahupun dari sudut kerohanian. Perkahwinan tanpa kebenaran atau dikenali dengan istilah populisnya sebagai 'kahwin lari' merupakan satu fenomena yang berlaku dalam masyarakat sejak sekian lama sehingga ke hari ini. Apatah lagi dalam keadaan yang serba moden dan gaya hidup yang lebih cenderung kepada hedonistik menyebabkan fenomena ini berleluasa dalam kalangan masyarakat. Isu ini seringkali mengundang kepada polemik dalam kalangan masyarakat dan pembuat polisi.

Senario yang berlaku di Perlis menyaksikan perkahwinan tanpa kebenaran bukanlah merupakan satu isu yang baharu bahkan fenomena ini telah berlaku sekian lama dahulu. Tidak ada bukti atau fakta yang menunjukkan sejarah permulaan berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran di Perlis. Barangkali Perlis adalah sebuah negeri yang berjiran dengan Thailand,

ia menjadi sebab pasangan yang menghadapi masalah untuk berkahwin memilih destinasi Thailand untuk memakbulkan impian pasangan terbabit.

Selain itu, fenomena ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan penduduk Perlis, tetapi juga melibatkan pasangan dari negeri lain yang datang menggunakan alamat di Perlis untuk melangsungkan perkahwinan di Thailand. Kes ini seringkali berlaku terhadap pasangan yang berhajat untuk berpoligami tanpa kebenaran. Negara Thailand menjadi pilihan utama disebabkan kelonggaran undang-undang yang sedia, dan ini secara tidak langsung perkahwinan tersebut dapat dirahsiakan daripada pengetahuan umum dan juga isteri pertama.

Cadangan Penyelesaian

Umumnya, undang-undang yang digubal dilihat mampu untuk melicinkan urusan pentadbiran dan mengawal manusia daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak undang-undang dan ketentuan hukum. Namun begitu, dari sudut amalannya, peruntukan undang-undang yang sedia ada juga tidak mampu untuk menangani fenomena perkahwinan tanpa kebenaran yang lazim berlaku saban tahun. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, namun isu perkahwinan tanpa kebenaran masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini. Situasi yang sama juga berlaku di Perlis. Oleh demikian, pelbagai usaha telah dikemukakan bagi memastikan kes-kes seperti ini dapat dibendung dengan sewajarnya. Setidak-tidaknya langkah cadangan ini dapat memberi input kepada pihak-pihak yang terlibat ataupun sebagai penambahbaikan untuk memantapkan lagi usaha untuk